



Media Title : Utusan Malaysia
Headline : Cypark peruntuk Capex RM200 jura
Date : 10 April 2018
Page : 17
Size : 6.52x18.14



Cypark peruntuk capex RM200 juta

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**
ekonomi@utusan.com.my


■ KUALA LUMPUR 9 APRIL

CYPARK Resources Bhd. (Cypark) memperuntukkan perbelanjaan modal (capex) berjumlah RM150 juta hingga RM200 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2018 untuk projek-projek konsesi berkaitan yang diperoleh syarikat baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Daud Ahmad berkata, peruntukan itu termasuk kontrak bagi kerja-kerja pembinaan projek Solar Fotovoltaik Berskala Besar (LSSPV) bernilai RM260.51 juta serta loji sisa kepada tenaga (WTE) 25 megawatt (mW) di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan.

Beliau berkata, pihaknya turut menjangkakan segmen tenaga boleh diperbaharui (RE) mampu menyumbang kepada pertumbuhan lebih 50 peratus terhadap perolehan syarikat.

"Capex tersebut akan dibelanjakan bagi pembinaan kedua-dua loji ini dan apabila siap ia dijangka mampu memberi sumbangan lebih 50 peratus kepada syarikat,"



CYPARK mempunyai empat segmen perniagaan yang memberi sumbangan signifikan kepada syarikat iaitu tenaga boleh diperbaharui (RE) teknologi hijau, kejuruteraan alam sekitar dan kejuruteraan pembinaan. - GAMBAR HIASAN

katanya selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat di sini hari ini.



DAUD AHMAD

Beliau berkata, setakat ini Cypark mempunyai empat segmen perniagaan berbeza yang memberi sumbangan signifikan kepada syarikat iaitu RE, teknologi hijau, kejuruteraan alam sekitar dan kejuruteraan pembinaan.

"Tenaga boleh diperbaharui (RE) adalah bidang yang memberi pulangan positif dan ia bukan hanya tertumpu kepada elektrik sahaja, ia meliputi apa sahaja seperti air serta bahan buangan yang ditukar kepada tenaga.

Bagi tahun kewangan 2017,

syarikat merekodkan perolehan berjumlah RM301.7 juta, peningkatan sebanyak 6.6 peratus atau RM18.8 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya.

Mengulas lanjut, Daud berkata, pihaknya berhasrat untuk menjadi peneraju dalam sektor RE di Malaysia sebelum meneroka pasaran baharu di luar negara.

"Kami mahu mengukuhkan kehadiran di Malaysia terlebih dahulu dan memahami keperluan dan trend pasaran di sini sebelum mula bergerak aktif di pasaran antarabangsa.

"Bagaimanapun, sebagai perediaan, kami sentiasa meninjau prospek yang menguntungkan di luar negara dan Singapura dijangka menjadi tumpuan global kami yang pertama," katanya.